

BANTUAN MASJID DAN SURAU (PEMBIAYAAN)

OBJEKTIF

Membantu meringankan bebanan kewangan berhubung pembinaan atau penyiapan Masjid/Surau yang tergendala disebabkan peruntukan pembinaan yang tidak mencukupi.

KEKERAPAN

Sekali sahaja.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Keutamaan kepada Masjid/Surau yang tiada peruntukan daripada pihak Kerajaan dan tidak mencukupi bagi tujuan pembinaan tersebut.
2. Keutamaan kepada Masjid/Surau yang yang serba kekurangan di dalam atau luar Bandar atau yang belum pernah memohon/diberi bantuan sebelum ini.
3. Mengemukakan senarai terperinci kos perbelanjaan (dan digalakkan mengemukakan gambar lokasi), sekiranya berkaitan dengan permohonan untuk baikpulih masjid/surau yang telah disahkan betul oleh pihak Jawatankuasa Masjid/Surau.
4. Masjid/Surau bagi kawasan penempatan awam mestilah mengemukakan no daftar dari pihak Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) dan bagi masjid/surau yang belum mendaftar, maka siasatan akan dibuat dengan pihak pejabat Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) yang terdekat atau pihak naqib yang berdekatan. Jika sekiranya masjid surau yang tidak pernah mendaftar, pemohon perlu mengemukakan surat sokongan daripada pihak Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) atau Naqib.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Surat permohonan.
2. Salinan buku akaun (Masjid/Surau).
3. Senarai kos perbelanjaan bagi permohonan membina masjid/surau.
4. Laporan siasatan ke atas Masjid dan Surau yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
5. Sertakan surat pendaftaran dari Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS).
6. Surat sokongan dari Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) atau Naqib.